

[Home](#) / [2023](#) / [April](#) /

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Teknologi MARA dan Universitas Islam Malang, Indonesia

## ACHIEVEMENT ANNOUNCEMENT BERITA UTAMA BULLETIN MOU

04/04/2023 / [Siti Nurhidayah](#)



SHAH ALAM, 3 APRIL 2023 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) melalui Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) telah menjalankan hubungan strategik dengan Universitas Islam Malang, Indonesia (UNISMA) dengan termeterainya Memorandum Persefahaman (MoU) antara UiTM dan UNISMA dalam majlis yang telah berlangsung di UiTM Shah Alam semalam. Dalam majlis tersebut, UiTM telah diwakili oleh Naib Canselor, Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, manakala UNISMA pula diwakili oleh Rektor, Yang Berbahagia Profesor Dr. Masykuri Bakri. Majlis turut disempurnakan dengan kehadiran barisan pengurusan tertinggi FSPPP dan UNISMA, serta Dekan Fakulti Perubatan.

Matlamat utama MoU ini adalah untuk meraikan percambahan ilmu pengetahuan melalui kerjasama pintar dalam pelbagai disiplin. Selain itu, MoU ini juga bertujuan untuk memelihara dan mempergiatkan kerjasama, khususnya dalam bidang pendidikan, menekankan kepakaran penyelidikan dan kolaborasi melibatkan pensyarah dan pelajar kedua-kedua institusi.



Hubungan antara UiTM dan UNISMA ini dilihat sebagai satu strategi untuk meningkatkan perkongsian global secara komprehensif. Ini adalah kerana agenda pembangunan yang berjaya memerlukan perkongsian inklusif di peringkat global, serantau dan nasional yang di bina atas prinsip, nilai serta matlamat bersama. Untuk itu, kedua-dua pihak akan terus berkolaborasi bagi memperoleh impak yang positif dalam pelbagai bidang, khususnya penyelidikan serta pembangunan pelajar.

[in Share](#) [f Share](#) [X Post](#)

Tags: [FSPPP](#), [MoU](#), [Universitas Islam Malang \(UNISMA\)](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

← [Majlis Amanat Rektor Tahun 2023](#)

[Bengkel Penerbitan "Hand in Hand Inisiatif For publication" Jabatan Pengurusan & Perniagaan UiTM Cawangan Perak](#) >

## QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)  
[Academic Calendar](#)  
[Intake Calendar](#)  
[Graduate Quick Search](#)

## HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
40450 Shah Alam, Selangor Darul  
Ehsan



Library

Malaysia

UiTM Holdings

Tel: +603-5544 2051 / 2000

WiFi UiTM

E-Complaint